

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua

Sidang 1987/88

RPW 544 - Perancangan Wilayah Dan Desa

Tarikh: 4 April 1988

Masa: 9.00 pagi - 12.00 tengahari
(3 jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja.

1. a) Terangkan perkara-perkara berikut:

- (i) Wilayah Homogenis (Homogeneous Region)
- (ii) Wilayah Berpusat (Nodal Region)
- (iii) Wilayah Perancangan (Planning Region)

b) Bincangkan masalah yang dihadapi untuk membentukkan sesuatu wilayah di negara ini.

(25 markah)

2. Mengapakah wujudnya ketidakseimbangan wilayah di negara ini? Cadangkan langkah-langkah yang sesuai untuk mengurangkan ketidakseimbangan ini.

(25 markah)

3. Mengapakah perlunya perancangan desa? Berdasarkan kepada contoh yang anda ketahui, terangkan bagaimana sesebuah penempatan desa dirancangkan.

(25 markah)

4. Penilaian merupakan salah satu daripada aspek-aspek terpenting di dalam Perancangan Wilayah. Bincangkan satu kaedah penilaian yang biasa digunakan di dalam Perancangan Wilayah.

(25 markah)

5. Pembinaan bandar-bandar baru sebagai strategi pembangunan wilayah dimulakan pada awal tahun 1970an di negara ini. Sejauh manakah strategi ini mencapai matlamatnya?

(25 markah)

6. Jelaskan perbezaan di antara pendekatan pembangunan 'Agropolitan' dengan pendekatan lain yang anda ketahui. Sejauh manakah pendekatan 'Agropolitan' sesuai dengan pembangunan wilayah di negara ini?

(25 markah)

7. Bincangkan isu dan masalah utama berhubung dengan perancangan wilayah.

(25 markah)